



17 JUN, 2020

Pengangguran boleh cecah 6peratus

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2



KUMPULAN peniaga kecil antara yang paling terjejas akibat PKP.

Pengangguran boleh cecah 6%

Kuala Lumpur: Kadar pengangguran Malaysia boleh mencecah enam peratus atau lebih tinggi pada tahun ini, sekali gus mengatasi krisis kewangan Asia pada 1997 dan kemelesetan pada 2008 yang masing-masing mencatat 3.2 peratus dan 3.7 peratus, demikian menurut Ambank Group Research.

Menurut cabang penyelidikan Ambank Group itu, data pasaran buruh terbaru menunjukkan keadaan pasaran kerja juga jauh lebih terjejas selepas kadar pengangguran pada April lalu meningkat kepada lima peratus yang tertinggi sejak 1990 daripada 3.9 peratus pada Mac lalu.

Dalam nota penyelidikannya, Ketua Ahli Ekonomi dan Penyelidikan, Dr Anthony Dass berkata, langkah penutupan sebahagian besar operasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga mengurangkan pekerjaan dan menyukarkan mereka yang berusaha mencari kerja.

Berikutnya itu, jumlah penganggur meningkat 48.8 peratus tahun ke tahun kepada 778,800 orang pada April lalu manakala bilangan mereka yang tidak bekerja dalam empat bulan pertama tahun ini berjumlah 2.4 juta orang.

Memetik dapatan survei Jabatan Perangkaan, beliau

berkata, 2.59 juta orang yang mengendalikan perniagaan pada April lalu.

Menurutnya, mereka kebanyakannya peniaga termasuk peniaga kecil (pasar tani/pasar malam/katering/gerai/ operator pelancongan dan lain-lain).

"Kumpulan ini terdedah kepada risiko pekerjaan serta kehilangan pendapatan berikutan PKP. Dapatan survei itu turut menunjukkan PKP itu menjelaskan 4.87 juta pekerja yang tidak bekerja pada April lalu.

"Kelompok ini tidak dikategorikan sebagai tidak bekerja kerana masih ada pekerjaan," katanya. - Bernama



17 JUN, 2020

Pengangguran boleh cecah 6peratus

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUMPULAN peniaga kecil antara yang paling terjejas akibat PKP.

Kuala Lumpur): Kadar pengangguran Malaysia boleh mencecah enam peratus atau lebih tinggi pada tahun ini, sekali gus mengatasi krisis kewangan Asia pada 1997 dan kemelesetan pada 2008 yang masing-masing mencatat 3.2 peratus dan 3.7 peratus, demikian menurut Ambank Group Research.